

**Tajuk : Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syar'ie**

---

Kategori: **Sosial/Syariah**

Tahun: **2010**

Status Pewartaan: **N/A**

Negeri: **N/A**

---

**Keputusan :** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah membincangkan Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syar'ie.

Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa untuk menjadi seorang Peguam Syar'ie, seseorang itu perlu mampu menguasai ilmu Al-Quran dan Al Hadith, bahasa Arab, Ilmu Usul Fiqh dan Fiqh secara keseluruhannya dan ia perlu didasari dengan keimanan kepada Allah SWT agar tanggungjawab yang dipikul disandarkan hanya kepada Allah SWT dan demi kemaslahatan umat Islam dan keadilan menurut perspektif Islam.

2. Oleh yang demikian, demi menjaga kesucian dan kehormatan agama dan umat Islam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa orang bukan Islam adalah tidak dibenarkan dilantik sebagai Peguam Syar'ie berpandukan kepada kaedah-kaedah fiqhiyyah dan peruntukan undang-undang berikut:

- سد الذريعة : Kaedah ini merujuk kepada perlunya menutup pintu-pintu yang boleh membawa kemudarathan. Sekiranya orang bukan Islam dibenarkan untuk dilantik sebagai Peguam Syar'ie, ia memberi ruang

kepada orang bukan Islam untuk menguruskan hal ehwal orang Islam terutama sekali isu-isu syarak. Keadaan ini boleh menimbulkan kecelaruan di kalangan umat Islam.

- إذا تعارض المانع والمقتضي قدم المانع : Apabila bertentangan antara dalil- dalil yang menegah dengan dalil dalil yang menghendaki, hendaklah diutamakan perkara yang menegah. Larangan melantik orang bukan Islam sebagai Peguam Syar'ie perlu diutamakan, walaupun kemungkinan ia mempunyai kebaikan dari satu segi, tetapi keburukannya perlu diambil kira dan diberi perhatian.

- المصلحة العامة تقدم على المصلحة الخاصة : Kaedah ini bermaksud masalah (kebaikan) am perlu didahulukan daripada masalah khas. Masalah am atau umum merujuk kepada masalah umat Islam di Malaysia secara keseluruhannya. Manakala masalah khas merujuk kepada kebaikan yang mungkin diperolehi oleh orang tertentu. Dalam situasi hari ini, masalah orang awam, (umat Islam) perlu diutamakan.

- تصرف الإمام على الراعية منوط بالمصلحة : Kaedah ini bermaksud tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada masalah. Dalam konteks ini, pemerintah berhak membuat keputusan berpandukan kepada kemaslahatan rakyat dengan berlandaskan kepada syariat Islam.

- Berdasarkan peruntukan undang undang yang sedang berkuatkuasa, sekiranya seorang bukan Islam dibenarkan untuk beramal sebagai Peguam Syar'ie dan didapati tidak mematuhi etika sebagai Peguam Syar'ie atau apa-apa prosedur yang berkaitan dengan mahkamah syariah, tiada tindakan yang boleh diambil kerana beliau tidak tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, tiada tindakan yang boleh diambil ke atas beliau kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas orang bukan Islam.



[Klik disini untuk mencetak](#)